

Memahami dilema

UM 4 AUG 2002

Oleh DR. HAIRUDIN HARUN

PEMIKIRAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang terkandung dalam buku *The Malay Dilemma*, yang diterbitkan 30 tahun lalu dan pandangan terbaru beliau mengenai dilema baru Melayu yang dikupasnya minggu lalu perlu dianalisis dalam konteks bila kedua-dua idea itu dilahirkan.

Bagi pelajar-pelajar saya di universiti, terutama di kalangan yang mengikuti pengajian ijazah tinggi, mereka mungkin masih ingat tentang beberapa "syarat-syarat membaca" yang saya kerap pesan dalam "kelas bacaan."

Antaranya, ialah sebelum dan selepas mereka membaca sesuatu artikel itu mereka harus cuba memahami konteks tulisan itu dibuat. Konteks ini termasuklah (i) sejarah tulisan, (ii) pandangan alam penulis, (iii) latar belakang sosio-politik, dan juga (iv) biografi intelektual penulis.

Biasanya, kesemua syarat itu tidak sukar dipenuhi, atau sekurang-kurangnya bahan untuk memenuhi syarat-syarat tersebut tidak sukar diperolehi.

Hanya mungkin mencari bahan bagi syarat (iv), kadangkala tidak semudah mengumpul bahan (i) hingga (iii). Sememangnya sumber bertulis biografi dan latar belakang intelektual penulis, terutama bagi mereka yang agak baru atau tidak begitu terkenal, biasanya kurang.

Jelas ada juga pelajar yang membantah. Ada yang bertanya mengapa saya menyarankan empat syarat tersebut sebelum membaca sesuatu tulisan atau hasil penulisan.

Ada yang berpendapat bahawa syarat tersebut terlalu membebankan. Sudahlah mereka harus membaca artikel yang berat dan dibebankan lagi dengan bacaan lain. Bahkan untuk membaca satu tulisan sahaja, mereka harus pula membaca empat atau lebih bacaan lain yang berkaitan.

Tidak hairanlah ada pelajar yang merungut dengan syarat seperti itu. Namun para pelajar tersebut tahu bahawa memenuhi syarat seperti itu akan menjadikan mereka lebih mantap dan lebih memahami sesuatu tulisan itu, tetapi untuk berbuat demikian mereka memerlukan ketekunan dan kesabaran yang lebih daripada biasa.

Ada pula antara pelajar saya yang mendakwa bahawa terdapat profesor dan penyelia lain yang tidak meletakkan syarat berat seperti itu.

Pelajar tersebut tahu mereka boleh memilih jalan yang lebih mudah dengan menukar kepada profesor atau penyelia, yang dianggap "lebih mudah". (Walaupun hal ini ialah persepsi relatif pelajar itu, mungkin sahaja profesor atau penyelia yang mereka anggap "mudah" itu sebenarnya lebih "cerewet").

Namun, persepsi tersebut menjadikan sesetengah pelajar saya menghadapi dilema - sama ada untuk terus di bawah profesor yang "cerewet" dan cuba memenuhi syarat-syarat dia, tetapi jelas membawa pulangan intelektual yang tinggi; atau memilih jalan mudah di bawah penyeliaan "lebih kurang", yang mungkin pula mendatangkan pulangan yang juga "lebih-kurang"?

Dilema ini dihadapi oleh pelajar saya daripada semua bangsa - Melayu, Cina, India dan termasuk mereka dari luar negara. Bahkan dilema

seperti itu turut dilalui oleh kebanyakan pelajar di institusi-institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Tegasnya, dilema tersebut adalah sejagat dan tidak berlaku khusus hanya kepada pelajar Melayu.

Walau pun begitu, saya bersyukur, kerana hampir semua pelajar saya, termasuk mereka yang paling kuat bersungut, telah membuat pilihan, mereka telah merempuh dilema mereka dengan keputusan berani dan pilihan yang nekad: untuk terus bersama mengharungi segala cabaran intelektual yang diletakkan di hadapan mereka.

Bagi mereka, tidak ada dilema lagi. Bagi pelajar saya itu, dilema mereka telah lenyap. Sebenarnya dilema mereka ialah apa yang diistilahkan dalam ilmu logik formal sebagai dilema palsu (*false dilemma*).

Dilema palsu merujuk kepada keadaan apabila kita dihadapkan dengan dua pilihan "mutlak" atau pilihan "mat? - umpama pepatah "ditelan mati emak, diluahkan mati bapak" - sedangkan pada hakikatnya kita mempunyai pilihan ketiga atau lebih, yang member-i jalan keluar, tetapi tidak dinyatakan atau tersembunyi.

Ataupun, seperti dalam kes "dilema pelajar" saya tadi, "dilema" mereka lebur apabila sahaja salah satu pilihan yang "betul" atau keputusan "nekad" dibuat.

Dalam kes ini, dilema itu dianggap palsu kerana pelajar tersebut sebenarnya tidak menghadapi "pilihan mati" atau tidak perlu membuat pilihan ketiga untuk mencari jalan keluar dan penyelesaian.

Dalam bidang kajian logik formal, dilema palsu tergolong sebagai salah satu jenis falasi (mereka di dalam kajian logik peringkat ijazah pertama biasanya didedahkan kepada sepuluh jenis falasi utama).

Falasi dalam konteks logik difahamkan sebagai "sebarang kesilapan dalam tertib hujah dan pemikiran yang menggugat kesahan atau kesahihannya."

Para ahli logik menganggap falasi sebagai amat berbahaya kerana ia sukar dikesan dan kerap amat meyakinkan sekiranya tidak diteliti.

Sekiranya falasi dibiarkan dalam sesuatu masyarakat, ia boleh menjadi asas tindakan yang merugikan seseorang individu dan masyarakat itu. Sekiranya falasi menjadi sebahagian daripada budaya fikir kita, maka akal budi masyarakat kita akan menjadi parah dan lambat-laun menghasilkan pelbagai natijah negatif yang merugi serta menggerunkan.

Mungkin kerana itu, dilema palsu dikenali juga sebagai falasi "atau" dan falasi "antara dua kemungkinan negatif mutlak." Sedangkan pada hakikatnya, kedua-dua kemungkinan itu bukan negatif mutlak ataupun terdapat kemungkinan yang ketiga atau lebih yang memberi jalan keluar daripada senario dilema palsu itu.

Sudah menjadi lumrah hidun kita akan ada masanya kita menghadapi dilema, hanya mungkin ada yang tergolong dalam senarai palsu dan ada pula yang tidak.

Antara dilema yang saya sendiri sedang hadapi ialah apa yang disebut sebagai "dilema penulis" atau "dilema karyawan."

Saya telah mula menulis secara serius semenjak tahun 1970-an. Kebanyakan tulisan tersebut saya telah lupa, dan isi kandungannya pula, sebahagian besarnya tidak lagi saya persetujui, sama ada sebab tidak menepati fakta, kurang mutu, kurang ilmiah atau saya tidak lagi berpegang

